



IKLAN JAWATAN PENDAFTAR

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) mempelawa calon-calon yang berkelayakan, memenuhi kriteria kecemerlangan akademik, berkebolehan dalam memimpin dan mengurus, berintegriti dan berpersonaliti unggul, untuk memohon jawatan Pendaftar di UniSZA. Maklumat jawatan adalah seperti berikut:

- 1. Jawatan** : Pendaftar
- 2. Gred** : Gred VU7
- 3. Jadual Gaji** : Minimum: RM7,676.00
Maksimum: RM20,592.00
- 4. Taraf Lantikan** : Tetap/Peminjaman/Kontrak
- 5. Tempoh Lantikan** : Tidak melebihi tiga (3) tahun untuk setiap lantikan dan tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah Universiti.
- 6. Kriteria Umum** :

6.1 Pengalaman

Telah memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan di mana-mana Universiti Awam.

6.2 Kecemerlangan Akademik

- i) Mempunyai sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- ii) Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran (PhD) adalah satu kelebihan. Mendapat "command of respect" dari kalangan rakan sejawat. Mempunyai rekod cemerlang dalam pengurusan dan khidmat profesional.



6.3 Kebolehan Memimpin & Mengurus

Mempunyai “people skill” yang boleh menerajui transformasi, mempunyai gagasan, visi dan berupaya menetapkan hala tuju yang jelas serta menjadi katalis utama dalam memacu perubahan UniSZA melalui penggembangan potensi di setiap peringkat hasil daripada sokongan padu ke atas nilai dan gagasan yang diterajui, berketerampilan dan mempunyai jati diri, patriotisme dan profesionalisme yang tidak dipertikaikan.

6.4 Reputasi

Menjadi “role model” kepada semua peringkat staf, selain mempunyai pengalaman dan “proven track record” serta disanjung baik dan dihormati masyarakat dalam dan luar kampus.

6.5 Kemahiran Komunikasi dan Interpersonal Yang Mantap

Mempunyai kemahiran komunikasi dan berinteraksi secara berkesan sama ada dengan stakeholder, penyelia, rakan sejawat dan pegawai di bawah seliaan, mempunyai tahap penguasaan bahasa yang baik serta mampu menyampaikan idea dan maklumat secara tepat dan jelas.

6.6 Personaliti

Seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, “team player”, berpandangan jauh, proaktif, dinamik, bertanggungjawab, beretika, berintegriti, patriotik dan bermotivasi tinggi.

7. Kriteria Khusus :

7.1 Tadbir Urus

Berpengetahuan dan mantap dalam tadbir urus bagi meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian di universiti. Boleh mengamalkan tadbir urus yang baik dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab, sehingga mampu membawa universiti mendapat penarafan yang tinggi dan cemerlang.

7.2 Pengurusan Sumber Manusia

Berkebolehan menambah baik strategi sumber manusia untuk membangunkan kapasiti tenaga kerja dalam memenuhi keperluan semasa dan akan datang dan menyediakan hala tuju yang jelas untuk mencapai jangkaan.



7.3 Pengurusan Perubahan & Risiko

Berusaha menguruskan perubahan dalam UniSZA secara berkesan dengan menggunakan segala sumber dan keupayaan sedia ada. Berusaha mengurangkan risiko dalam setiap hasil kerja yang dilaksanakan melalui aktiviti pengurusan risiko.

7.4 Pemikiran Strategik

Berkebolehan mengenalpasti, menjangka dan menganalisis isu dan masalah serta boleh mengatur strategi penyelesaian yang berkesan. Berkebolehan melihat situasi dari pelbagai dimensi serta berkeupayaan mengambil tindakan dan membuat keputusan mengikut keutamaan, berpandangan jauh dan melihat isu dari perspektif yang luas dan menyeluruh. Berkemahiran dalam merancang dan membangunkan Pelan Strategik UniSZA serta mentafsirkannya sehingga ke peringkat pelaksanaan.

7.5 Penggubalan dan Penguatkuasaan Dasar

Keupayaan menilai, merancang dan menyediakan dasar, dan perundangan yang perlu bagi memastikan strategi Universiti dapat dilaksanakan dengan jayanya. Keupayaan untuk menilai dan membuat keputusan terhadap kes-kes pelanggaran dan ketidakpatuhan dasar dan undang-undang

7.6 Kemahiran Membuat Keputusan

Keupayaan menggunakan pendekatan dan kaedah yang berkesan dan sistematik untuk menilai dan memilih alternatif, cadangan, sumber yang terbaik menjayakan operasi UniSZA selaras dengan situasi, strategi, dasar, prinsip, nilai organisasi dan berdasarkan maklumat atau fakta yang betul dan terkini.



8. Cara Memohon :

Calon yang berminat perlu mengemukakan permohonan rasmi dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut:

- a) 'Curriculum Vitae' (CV) yang lengkap dan terkini berserta gambar berukuran pasport. CV hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut:
 - i) Latar belakang diri termasuk alamat surat-menyerat dan nombor telefon untuk dihubungi.
 - ii) Latar belakang pendidikan dan pengalaman kerjaya termasuk jawatan pentadbiran yang telah dan sedang disandang. Semua salinan sijil akademik dan dokumen yang berkaitan yang telah disahkan benar perlulah dikemukakan bersama permohonan ini.
 - iii) Dua (2) nama penyokong sebagai rujukan (referee).
- b) **Ringkasan mengenai perancangan strategik pentadbiran universiti** sekiranya berjaya dilantik sebagai Pendaftar UniSZA.

Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat seperti berikut:

Pendaftar

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Kampus Gong Badak

21300 Kuala Nerus

Terengganu Darul Iman

E-mel: pendaftar@unisza.edu.my

Pegawai untuk dihubungi:

- i) Encik Mohd Zulfa bin Awang (09-668 8951)
mohdzulfa@unisza.edu.my
- ii) Puan Nurhidayah binti Ahmad (09-668 8370)
hidayahahmad@unisza.edu.my

Tarikh Tutup Permohonan: 5 Januari 2023 (Khamis) (Jam 12 Tengahari).

Catatan Tambahan:

Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemu bual. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan/ temu bual jawatan ini tidak akan ditanggung oleh UniSZA. Permohonan yang tidak menerima jawapan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh iklan jawatan ditutup hendaklah dianggap tidak berjaya.